

## STPM Kertas 1 2015:

### Soalan 3

- (a) Jelaskan maksud liabiliti luar jangka seperti yang dinyatakan dalam MFRS 137. Beri dua contoh liabiliti luar jangka.

(3 markah)

- (b) Yang berikut ialah urus niaga berkaitan liabiliti Syarikat Megah Berhad bagi tahun perakaunan yang berakhir pada 31 Disember 2013.

- (1) Buku akaun syarikat menunjukkan akaun kawalan pemiutang untuk barangan dan perkhidmatan yang diperoleh oleh syarikat adalah sebanyak RM228,000 dan lain-lain akaun belanja terakru bernilai RM23,000.
- (2) Buku akaun syarikat juga menunjukkan bahawa syarikat telah menandatangani beberapa nota belum bayar jangka panjang dengan institusi kewangan. Tarikh matang dan amaun tertunggak nota tersebut diberikan dalam jadual di bawah.

| <i>Tarikh matang</i> | <i>Amaun tertunggak (RM)</i> |
|----------------------|------------------------------|
| 1 April 2014         | 18,000                       |
| 1 November 2015      | 130,000                      |
| 31 Disember 2018     | 400,000                      |

- (3) Jumlah faedah dikenakan pada nota di atas yang belum bayar pada 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM39,500.
- (4) Belanja gaji bulan Disember 2013 adalah sebanyak RM75,200. Sebanyak 11% dan 5% daripada belanja gaji ini diketepikan untuk bayaran masing-masing kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan cukai pendapatan pekerja. Gaji bersih bagi bulan Disember masih belum dibayar.
- (5) Syarikat Megah Berhad juga masih berhutang kepada KWSP sebanyak 12% daripada belanja gaji bulan Disember 2013. Hutang ini merupakan caruman majikan.
- (6) Cukai belum bayar bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember adalah sebanyak RM43,300.
- (7) Pada 31 Disember 2013, syarikat telah menerbitkan bon (8%) pada nilai tara yang akan matang dalam masa lima tahun. Bon ini adalah bertujuan untuk membiayai pengubahsuaian bangunan syarikat yang bernilai RM300,000.
- (8) Pada 31 Disember 2013, syarikat telah menerima bil elektrik dan bil air masing-masing berjumlah RM2,980 dan RM520.
- (9) Pada 31 Disember 2013, syarikat berjaya mencatat untung bersih sebanyak RM1,845,000 dan mengumumkan bonus kepada pekerjanya sebanyak 10% daripada keuntungan bersih semasa.

**Dikehendaki:**

- (i) Sediakan catatan jurnal untuk merekodkan urus niaga di atas bagi tahun 2013. Sila tulis TIADA jika catatan jurnal tidak diperlukan.  
(11 markah)
- (ii) Sediakan bahagian liabiliti semasa dan liabiliti bukan semasa bagi penyata kedudukan kewangan (kunci kira-kira) Syarikat Megah Berhad pada 31 Disember 2013.  
(6 markah)